

# **PANDUAN LENGKAP PRINTING SUBLIMATION**

**ELAK DITIPU  
SELLER  
PALSU**



# Senarai Kandungan

---

Pengenalan .....	3–4
Bab 1: Apa Itu Sublimation Printing? .....	5
Kelebihan Sublimation Printing .....	6–7
Bab 2: Proses-Proses di Dalam Printing Sublimation .....	8–14
Bab 3: Jenis-Jenis Kain untuk Printing Sublimation .....	15–18
Bab 4: Jenis-Jenis Baju yang Sesuai untuk Sublimation Printing .....	19–22
Jenis-jenis Kolar dari Pivot Apparel .....	23–25
Potongan Baju Lain yang Kami Sediakan .....	26–27
Bab 5: Panduan Mengenai Kos untuk Sublimation Printing .....	28–32
Bab 6: Panduan Memilih Supplier Sublimation; Elak Kena Scam .....	33–37
Bab 7: Checklist Lengkap Tempahan Baju Sublimation .....	38 - 41
Bab 8: Panduan Menjaga Baju Sublimation .....	42
Penutup .....	43

# **PANDUAN LENGKAP PRINTING SUBLIMATION ELAK DITIPU SELLER SUBLIMATION PALSU**

**Oleh: Pivot Apparel**

## **Pengenalan**

**"Printing yang kami dapat daripada seller lain sebelum ni tak sharp, tuan."**

**"Logo daripada seller sebelum ni kabur."**

**"Saiz yang kami tempah dengan seller sebelum ni kecil, tuan."**

**"Kami pernah tempah dengan seller lain sebelum ni, kain nipis macam tudung."**

Itu antara aduan yang pernah saya terima daripada pelanggan kami. Dan sebenarnya, itulah antara sebab utama saya hasilkan ebook ini.

Saya percaya, ramai pelanggan di luar sana masih belum betul-betul faham apa itu printing sublimation. Bila kurang faham, tempahan yang diterima pun mungkin tidak seperti yang diharapkan. Kesannya? Anda kecewa, dan seller pula akan terima komplen.

Saya tak salahkan seller lain 100%. Mungkin berlaku salah faham semasa komunikasi atau pelanggan tak sempat diberi penjelasan penuh tentang proses dan material yang digunakan.

Di Pivot Apparel, kami amalkan konsep "consultative selling" – kami bukan sekadar ambil tempahan, tetapi kami beri cadangan dan nasihat supaya pelanggan dapat hasil yang terbaik. Kami suka tanya:

- Baju ni untuk event apa?
- Ada nak selitkan design muslimah sekali tak?
- Ada individu bersaiz besar dalam tempahan ni?

Soalan-soalan ni bantu kami cadangkan jenis kain, potongan baju, dan jenis printing yang paling sesuai.

Sedikit tentang Pivot Apparel, pada tahun 2025 ini, Pivot Apparel telah masuk tahun keenam dalam industri sublimation printing. Alhamdulillah, design dan hasil cetakan kami kini sudah berada dengan pelanggan di seluruh Malaysia – daripada Perlis sampai ke Lahad Datu.

Walaupun industri ini dah lama bertapak, masih ramai yang belum faham sepenuhnya tentang proses sublimation. Ebook ini kami tulis untuk bantu anda – tak kira sama ada anda nak tempah baju untuk team, keluarga, sekolah, atau kelab sukan – supaya anda lebih yakin dan tahu apa nak bincang dengan seller nanti.

Harapan kami, apa yang dikongsikan dalam ebook ini boleh dijadikan panduan dan rujukan, supaya anda tak ulang kesilapan yang pernah dilakukan oleh individu lain sebelum ini.

## Bab 1: Apa Itu Sublimation Printing?


Ramai orang biasa dengar perkataan "sublimation", tapi tak semua tahu maksud sebenar dan bagaimana proses ini berbeza dengan jenis printing lain.

Sublimation printing ialah teknik mencetak design ke atas kain menggunakan haba. Proses ini melibatkan dakwat khas (dye sublimation ink) yang dipanaskan hingga menjadi gas tanpa melalui fasa cecair. Gas tersebut kemudian meresap ke dalam kain, menghasilkan cetakan yang tahan lama, tidak mudah pudar, dan tidak timbul di permukaan kain.

Teknik ini berbeza daripada kaedah lain seperti silkscreen atau heat press. Dalam silkscreen, dakwat hanya melekat pada permukaan kain. Dalam heat press pula, lapisan design (biasanya vinyl atau DTF) ditekan ke atas kain. Hasilnya mungkin cantik pada awalnya, tetapi lama-kelamaan boleh mengelupas, luntur, atau terasa tebal dan panas.

Sublimation pula lebih "menyatuh" dengan kain – hasilnya tampak lebih semula jadi, ringan dan selesa dipakai walaupun dalam cuaca panas. Itulah sebabnya ramai pengguna kini lebih memilih sublimation terutamanya untuk aktiviti lasak dan outdoor seperti sukan, event korporat dan aktiviti kelab.

Namun, proses ini hanya berkesan pada fabrik polyester atau kain campuran polyester yang tinggi (biasanya 85% ke atas). Kain yang digunakan biasanya berwarna putih kerana sublimation tidak boleh mencetak warna putih – warna putih akan diambil terus daripada warna asal kain itu sendiri.



## **Kelebihan Sublimation Printing Berbanding Teknik Lain**

### **1. Warna Tahan Lama & Tak Luntur**

Dakwat meresap jauh ke dalam fiber kain – bukan hanya melekat di permukaan. Ini menjadikan warna lebih tahan lasak, tidak mudah pudar walau selepas banyak kali dibasuh. Sangat sesuai untuk aktiviti lasak atau pemakaian kerap seperti baju sukan.

### **2. Cetakan Full Color Tanpa Caj Tambahan**

Tak kira berapa banyak warna yang anda gunakan dalam design – caj tetap sama. Berbeza dengan teknik silkscreen yang kenakan caj tambahan untuk setiap warna, sublimation beri anda kebebasan dari segi design dan warna tanpa risau kos tersembunyi.

### **3. Design Lebih Kreatif & Bebas**

Nak cetak gambar sebenar? Pelbagai warna dalam satu design? Corak yang rumit atau rekaan penuh satu baju dari depan sampai belakang? Semua tu boleh! Sublimation membenarkan reka bentuk tanpa had – sesuai untuk anda yang mahu design standout dan unik.

### **4. Rasa Kain Kekal Lembut**

Tiada lapisan tambahan atau 'patch' tebal atas kain. Dakwat sublimation menyerap masuk ke dalam serat kain – hasilnya baju terasa ringan, lembut dan tidak panas. Sangat sesuai dipakai dalam cuaca panas Malaysia.

### **5. Custom Fit untuk Semua Saiz**


Setiap baju dijahit secara custom. Ini bermakna anda boleh buat saiz yang susah nak cari di kedai – seperti 5XL hingga 13XL. Nak potongan khas? Boleh bincang juga! Tak ada diskriminasi untuk pelanggan Pivot Apparel yang plus size.

## **6. Sesuai untuk Pelbagai Kegunaan**

Sama ada untuk team sukan, event syarikat, family day, kelab motor, sekolah, atau reunion – sublimation sesuai untuk pelbagai jenis acara dan pasukan. Satu design, satu identiti – semua nampak seragam dan eksklusif.

Dengan semua kelebihan ini, sublimation bukan sekadar pilihan – tapi pelaburan bijak untuk baju custom yang berkualiti, selesa dan tahan lama. Anda bukan saja dapat baju cantik, tapi juga pengalaman yang memuaskan.

## Bab 2: Proses-Proses di Dalam Printing Sublimation




### PRE PRODUCTION

- Pemilihan design** Kami sediakan beberapa pilihan cara untuk anda mulakan proses design:
  - Pilih terus daripada katalog Pivot Apparel yang telah kami sediakan. Rekaan ini siap sedia untuk dicetak dan hanya perlu diubah sedikit mengikut warna atau logo anda.
  - Anda juga boleh hantar contoh design dari internet yang anda minat – kami akan ubah suai agar sesuai dengan template baju dan warna tema anda.

- Atau jika anda ada idea sendiri, boleh lukis atau lakarkan atas kertas. Jangan risau tentang kualiti lakaran, kami akan bantu olahkannya menjadi design sebenar.
2. **Proses design menggunakan Adobe Illustrator** Design anda akan disiapkan oleh team designer kami menggunakan Adobe Illustrator – software profesional yang digunakan dalam industri grafik untuk menghasilkan design dalam bentuk vector.

Kenapa vector penting? Design dalam bentuk vector tidak akan pecah walau dizoom 100 kali ganda. Ini penting supaya hasil cetakan nanti kekal sharp, tak kabur dan tak blur. Itulah yang membezakan antara baju printing berkualiti dan baju printing biasa-biasa. Jika anda nak tahu lebih lanjut tentang apa itu vector dan kenapa ia penting, boleh baca artikel kami: [Kepentingan Vector](#)



**Proses Mockup** Selepas design vector siap, kami akan tukarkan design tersebut ke bentuk mockup menggunakan Adobe Photoshop. Mockup ialah gambaran kasar bagaimana design akan nampak apabila dicetak atas baju sebenar.

Dalam proses ini, anda boleh nampak positioning logo, warna sebenar, dan juga flow design dari depan ke belakang. Kami akan tunjukkan baju dari pandangan hadapan dan belakang.

Nak tahu apa itu mockup dengan lebih mendalam? [Baca di sini](#)



3. **Persetujuan pelanggan** Mockup yang telah siap akan dihantar kepada anda untuk semakan. Anda bebas beri komen jika ada yang ingin diubah. Sama ada warna, logo, tulisan atau kedudukan elemen dalam design.

Biasanya, kami benarkan sehingga 3 kali editing secara percuma untuk pastikan anda betul-betul puas hati sebelum design tersebut dihantar ke production.

4. **Senarai saiz** Selepas anda berpuas hati dengan mockup akhir, kami akan minta anda sediakan senarai saiz untuk setiap jenis baju yang ditempah.

Kami sangat galakkan pelanggan susun saiz mengikut jenis baju terlebih dahulu, kemudian diikuti susunan saiz kecil ke besar. Ini penting untuk mengelakkan kekeliruan semasa production dan memudahkan invois disediakan.

Contoh susunan:

Kolar Polo Lengan Pendek			
Nama	Nombor	Saiz	Kuantiti
ZACK	10	S	2
ARIF	7	S	
FIKRI	12	M	2
DEEN	5	M	
MALIK	8	L	1

Muslimah			
Nama	Nombor	Saiz	Kuantiti
ROHAYU	-	L	2
SITI	-	L	
AMY	-	XL	1
BELLA	-	2XL	2
FIKAH	-	2XL	

5. **Pembayaran** Bila senarai saiz dan design dah muktamad, admin kami akan semak semua maklumat dan sediakan invois rasmi. Anda boleh buat bayaran penuh atau deposit sekurangnya 50% untuk kami mulakan proses production.

## **PRODUCTION PHASE**

### **1. Jobsheet**

Selepas menerima bayaran, team admin kami akan hasilkan dokumen jobsheet yang mengandungi semua maklumat penting untuk rujukan production.

Ini termasuklah jenis kain, jenis potongan baju, jenis lengan dan kolar, pilihan warna, ada poket atau tidak, serta nota keperluan khas daripada pelanggan (jika ada).

### **2. Sizing**

Design asal yang dibuat oleh designer biasanya dalam satu saiz sahaja – lazimnya saiz M.

Untuk cetakan sebenar, team production perlu resize design tersebut untuk setiap saiz baju yang ditempah (XS hingga 12XL jika perlu). Proses ini sangat penting agar logo dan tulisan tidak nampak terlalu kecil atau terlalu besar pada baju.

Contohnya:

- Jika baju saiz XS guna saiz logo yang sama dengan baju saiz 3XL, logo itu akan nampak terlalu besar.
- Jika sebaliknya pula, logo akan jadi terlalu kecil di atas baju bersaiz besar.

Proses ini kami lakukan berdasarkan SOP sizing kami sendiri dan akan sesuaikan mengikut permintaan khas pelanggan jika diminta.

### 3. **Printing**

Selepas proses sizing, semua design akan dicetak ke atas kertas sublimation khas menggunakan printer ink sublimation.

Printer ini menggunakan dakwat khas dan memerlukan kalibrasi warna agar hasil cetakan menepati warna asal dalam design. Nak tengok video proses printing?

[Video Printing Sublimation](#)

### 4. **Heat Press**

Selepas printing, kertas yang telah dicetak akan ditekap pada kain microfiber putih kosong.

Dalam proses ini, suhu tinggi digunakan melalui mesin heat press untuk memastikan dakwat pada kertas sublimation meresap masuk ke dalam kain – inilah proses sebenar "sublimasi" berlaku.

Kelebihannya? Warna tidak akan luntur dan design tidak akan merekah seperti cetakan biasa kerana dakwat sudah sebatи dengan fabrik.

5. **Pemotongan** Kain yang sudah siap dicetak akan dibawa ke mesin pemotong laser untuk dipotong mengikut template potongan baju – termasuk bahagian badan, lengan, dan kolar.

Mesin ini bantu pastikan potongan cepat, tepat, dan konsisten untuk semua saiz.

[Klik sini](#) untuk tengok video proses pemotongan kain menggunakan mesin laser.

6. **Proses jahit** Bahagian-bahagian kain yang telah dipotong akan diserahkan kepada tukang jahit berpengalaman kami untuk dijahit menjadi sehelai baju lengkap.

Sebab setiap helai baju dijahit custom, kami mampu hasilkan saiz khas seperti 10XL, 12XL dan sebagainya.

Kami dah post video proses menjahit baju [di sini](#).

## **POST PRODUCTION PHASE**

1. **Quality Control (QC)** Selepas baju siap dijahit, kami akan melalui fasa QC:
  - Lebihan benang akan dipotong.
  - Jika ada butang, ia akan dijahit kemas.
  - Baju akan dilipat kemas menggunakan mesin lipat baju.
  - Staf QC akan semak setiap helai baju untuk pastikan tiada kerosakan.
2. Jika ada yang rosak, kami akan cetak semula secara PERCUMA tanpa caj tambahan.
3. **Penghantaran** Baju yang sudah lengkap akan dibungkus dan dihantar ke seluruh Malaysia menggunakan kurier. Untuk tempahan segera, kami juga tawarkan penghantaran melalui Lalamove atau bas ekspres.

## **Rasa rumit? Izinkan kami bantu anda.**

Saya minta maaf sekiranya Bab 1 dan Bab 2 tadi agak complicated. Tujuan saya buat ebook ini adalah supaya anda faham dengan lebih mendalam tentang proses-proses yang ada dalam penghasilan sebuah baju sublimation. Anda boleh membaca proses di atas secara berulang kali untuk meningkatkan kefahaman anda.

Namun, andai kata anda malas nak kusutkan kepala nak faham semua proses yang rumit tu, apa kata serahkan kepada kami di Pivot Apparel untuk uruskan semuanya.

Boleh Whatsapp di nombor 011-20550974 atau klik link ini untuk sebarang pertanyaan –

<https://dgkad.my/pivotapparel>

Team sales kami sentiasa bersedia membantu anda. Serahkan urusan yang rumit ini kepada yang lebih pakar.

Ready nak sambung ke Bab 3? Let's go!

## **Bab 3: Jenis-Jenis Kain untuk Printing Sublimation**



Kain yang digunakan dalam proses printing sublimation memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti dan keselesaan baju custom. Di Pivot Apparel, kami menawarkan beberapa jenis kain berdasarkan ketebalan dan kegunaan yang berbeza. Berikut adalah kategori-kategori kain yang boleh anda pilih:

### **1. Range 160-180gsm**

#### **Microfiber Eyelet/Diamond/Interlock**

Kain ini berada di pertengahan. Tidak terlalu nipis seperti baju running dan tidak terlalu tebal seperti baju streetwear. Sangat sesuai untuk pelbagai jenis aktiviti indoor dan outdoor. Jika dalam tempahan anda ada baju muslimah atau baju plus size, kami akan cadangkan material Eyelet atau Diamond kerana ianya mempunyai tahap keregangan yang baik.

Ketiga-tiga material ini juga sesuai untuk mereka yang ingin menjimatkan kos tempahan kerana material ini sangat budget-friendly.



## **2. 200gsm**

### **RJPK**

Pada ketebalan ini kami ada pilihan kain RJPK. Kain ini sesuai untuk mereka yang mempunyai bajet sedikit lebih kerana kosnya sedikit berbeza daripada material dalam contoh di atas tadi disebabkan ketebalannya yang lebih. Semakin tebal kain, pemakai akan nampak lebih kemas. Jika dibandingkan dengan kain Eyelet, RJPK akan nampak lebih kemas.

Tak ramai yang menawarkan kain RJPK atas faktor kos, tetapi di sini kami kongsikan pilihan ini supaya anda faham bahawa ada pilihan kain lain yang lebih menarik.



### 3. Range 240-280gsm

#### Lycra

Biasanya pada range ini, kain yang digunakan adalah Lycra. Kain jenis ini kerap digunakan oleh jenama-jenama streetwear untuk memberi kesan eksklusif. Kain Lycra menambah kekemasan dan ketahanan, menjadikannya pilihan untuk baju dengan harga lebih tinggi. Baju rugby juga kerap menggunakan Lycra kerana ketebalan kainnya yang tahan lasak.

Namun, kain ini kurang sesuai untuk baju muslimah kerana ketebalannya boleh menyebabkan baju menjadi terlalu berat. Kain ini juga lebih mahal, tetapi memberikan penampilan yang lebih kemas berbanding material lain.



**Perbandingan:** Jika anda meletakkan pemakai baju kain RJP di sebelah pemakai baju Lycra, jelas sekali Lycra lebih menonjol dari segi kekemasan. Pemakai baju Lycra akan kelihatan lebih kemas dan bergaya (bergantung pada reka bentuk).

**Macam Mana Nak Pilih Kain yang Betul?** Soalan ini sering diajukan oleh pelanggan baru. Jawapan mudahnya: Pilih berdasarkan kegunaan dan bajet.

Tanya diri anda:

- Baju ini untuk aktiviti apa?
- Nak rasa ringan ke, atau rasa tebal sikit?
- Ada keperluan tertentu seperti perlu nampak eksklusif? Jika masih ragu-ragu, kami di Pivot Apparel boleh memberi cadangan berdasarkan pengalaman kami.

## Bab 4: Jenis-Jenis Baju yang Sesuai untuk Sublimation Printing

Sekarang anda dah faham tentang material yang digunakan untuk printing baju sublimation, mari kita bincangkan pula jenis-jenis baju yang sesuai untuk proses ini. Di Pivot Apparel, kami mempunyai pendekatan unik untuk baju yang menggunakan teknik sublimation printing. Kami memanggil baju **Round Neck Lengan Pendek (RNLP)** sebagai "baju basic" kami. Kenapa? Kerana daripada baju RNLP ini, kami boleh menghasilkan pelbagai jenis rekaan mengikut kehendak anda.

### Apa Itu Baju Basic RNLP?

Baju **RNLP** adalah baju dengan potongan biasa, iaitu round neck atau leher bulat dengan lengan pendek. Daripada baju basic ini, kami boleh mengubahsuai dan menggabungkan berbagai elemen untuk mencipta variasi yang berlainan. Ini adalah salah satu keistimewaan baju yang dihasilkan menggunakan teknik sublimation printing – fleksibiliti dalam reka bentuk dan gaya.



## Jenis-Jenis Baju Berdasarkan RNLP

1. **RNLP + Lengan Panjang = Round Neck Lengan Panjang** Bagi mereka yang mahukan keselesaan dalam cuaca yang lebih sejuk, penambahan lengan panjang pada RNLP memberi variasi yang sempurna. Baju jenis ini masih mengekalkan keselesaan dan fleksibiliti baju RNLP, tetapi dengan perlindungan lebih pada bahagian lengan.
2. **RNLP + Kolar = Kolar Lengan Pendek** Jika anda mahukan penampilan yang sedikit lebih formal atau kemas, baju RNLP dengan kolar adalah pilihan yang sesuai. Kolar ini memberikan sentuhan profesional yang lebih kepada baju lengan pendek, sesuai untuk acara korporat atau kelab.



3. **RNLP + Kolar Retro = Kolar Retro Lengan Pendek** Untuk penampilan yang lebih bergaya dan moden, kami menawarkan reka bentuk kolar retro. Kolar retro ini memberi kesan retro yang lebih menarik dan sesuai untuk mereka yang mahu tampil dengan gaya yang lebih trendy dan berbeza.



4. **RNLP + V-Neck = V Neck Lengan Pendek** Jika anda inginkan baju dengan gaya lebih santai tetapi tetap bergaya, baju dengan potongan **V-neck** adalah pilihan yang tepat. V-neck memberikan ilusi leher yang lebih panjang dan memberi penampilan lebih langsing, sangat sesuai untuk acara kasual atau santai.




5. **RNLP + Lengan Panjang + Cutting Muslimah = Baju Muslimah** Bagi pelanggan yang mengutamakan keselesaan dan kesesuaian dengan prinsip pemakaian Muslimah, kami menyediakan pilihan **Baju Muslimah**. Dengan potongan lengan panjang dan cutting yang lebih longgar, baju ini memberi keselesaan, kebebasan bergerak, dan juga sesuai untuk dilapisi dengan tudung.
6. Nak tengok mockup pelbagai jenis baju yang kita dah bincangkan diatas? Klik sini - <https://pivotapparel.site/galeri/>

## **Keistimewaan Baju Sublimation**

Dengan teknik sublimation printing, proses reka bentuk dan pengeluaran baju menjadi lebih fleksibel. Setiap baju boleh diubahsuai dan disesuaikan mengikut keperluan pelanggan. Inilah keistimewaan baju yang dihasilkan menggunakan teknik sublimation – anda bukan hanya mendapatkan baju, tetapi juga baju yang dirancang dengan penuh perhatian terhadap detail dan kesesuaian dengan tujuan serta gaya anda.

## **Lebih Banyak Kombinasi**

Selain lima jenis asas yang disebutkan di atas, kami di Pivot Apparel juga menyediakan lebih banyak variasi baju yang boleh dihasilkan daripada baju RNLP. Hal ini memberi lebih banyak pilihan dan kebebasan dalam mencipta reka bentuk yang unik dan sesuai dengan acara atau keperluan anda. Sama ada anda mahukan potongan lengan panjang, rekaan kolar tertentu, atau potongan khusus untuk saiz besar, kami boleh bantu buatkan untuk anda.




## Jenis-jenis Kolar dari Pivot Apparel




V-NECK  
DIAMOND




V-NECK  
DIAMOND OUTER



V-NECK  
OUTER




V-NECK  
OUTER END




V-NECK  
STUB



**NEW**  
COLLAR V-LOOP  
WITH INSERT



DOUBLE CROSS  
V-NECK



COLLAR  
LACE




COLLAR  
BARBOS




HENLY  
STUB




COLLAR  
LOOP




COLLAR  
RETRO




COLLAR RETRO  
V-LINE



COLLAR RETRO  
END



COLLAR RETRO  
CROSS



COLLAR RETRO  
NO INSERT




NEW  
COLLAR  
NO BUTTON



NEW  
COLLAR  
1 BUTTON



NEW  
COLLAR  
2 BUTTON



NEW  
COLLAR  
ZIP



MANDARIN  
COLLAR ZIP



COLLAR  
BUTTON




COLLAR BUTTON  
BOX PLACKET



MANDARIN  
COLLAR BUTTON



MANDARIN COLLAR  
HIDDEN BUTTON




**ROUND NECK  
STUB**




**ROUND NECK  
CROSS**



**ROUND NECK  
ZIP**




**ROUND NECK  
2 BUTTON**



**ROUND NECK**



**V-NECK**



**V-NECK  
CROSS**



**V-NECK END**

## **Potongan Baju Lain yang Kami Sediakan**

Di Pivot Apparel, kami tidak hanya terhad kepada baju RNLP sahaja. Kami juga menyediakan potongan baju yang lebih berbeza untuk memenuhi keperluan pelbagai jenis pelanggan:

### **1. Oversize**

Baju dengan potongan oversize kini menjadi trend yang popular, terutama dalam kalangan mereka yang mahukan penampilan lebih santai dan selesa. Potongan oversize memberi keselesaan ekstra dan gaya yang lebih lepas.

### **2. Sleeveless (Tanpa Lengan)**

Untuk acara sukan atau aktiviti kasual dalam cuaca panas, baju tanpa lengan adalah pilihan tepat. Baju jenis ini memberikan kebebasan pergerakan yang lebih, sesuai untuk aktiviti luar seperti berlari, berbasikal, atau bekerja di bawah matahari.

### **3. Saiz Kanak-Kanak**

Kami juga menyediakan baju sublimation untuk kanak-kanak dengan saiz yang disesuaikan. Sama ada untuk pakaian sekolah, majlis, atau acara keluarga, baju sublimation untuk kanak-kanak memberi keselesaan dan gaya yang menyenangkan.

### **4. Baju Korporat**

Untuk acara rasmi atau pakaian seragam kerja, **baju korporat** adalah pilihan yang tepat. Baju jenis ini sesuai untuk cetakan logo atau branding syarikat. Kami menawarkan pelbagai jenis potongan dan reka bentuk untuk menampilkan identiti korporat anda dengan lebih profesional. Baju korporat ini boleh diubahsuai dengan kolar, lengan panjang atau pendek, serta potongan untuk keselesaan sepanjang hari bekerja.

## **5. Hoodie/Jacket**

Untuk aktiviti luar yang memerlukan kehangatan atau acara santai, **hoodie** dan **jacket** adalah pilihan popular. Potongan ini sesuai untuk cuaca sejuk atau sekadar gaya kasual. Kami juga menyediakan hoodie dan jacket dengan reka bentuk yang boleh disesuaikan sepenuhnya, termasuk kolar dan poket. Material fleece atau suplex boleh digunakan untuk memberikan keselesaan ekstra semasa cuaca sejuk.

## **6. Seluar Pendek**

Untuk acara sukan, rekreasi, atau gaya kasual dalam cuaca panas, **seluar pendek** adalah pilihan terbaik. Potongan seluar pendek ini juga sesuai untuk aktiviti luar seperti berlari, berkhemah, atau bermain sukan. Kami boleh menyediakan seluar pendek dengan bahan yang ringan dan mudah menyerap peluh, sesuai untuk aktiviti fizikal.

## **7. Seluar Panjang**

**Seluar panjang** adalah pilihan yang lebih formal dan boleh digunakan untuk pelbagai acara, dari acara rasmi hingga kasual. Seluar panjang ini boleh dihasilkan dengan material yang sesuai untuk keselesaan sepanjang hari, terutamanya untuk mereka yang memerlukan pakaian yang lebih panjang dan rasmi. Bahan seperti fleece atau tricot juga boleh digunakan untuk memberikan keselesaan dalam aktiviti luar.

Dengan tambahan jenis pakaian ini, pelanggan anda kini mempunyai lebih banyak pilihan untuk disesuaikan dengan keperluan dan gaya mereka. Setiap jenis pakaian ini boleh diolah dengan teknik sublimation untuk memberi hasil cetakan yang jelas, tahan lama, dan sesuai untuk pelbagai acara.

## Bab 5: Panduan Mengenai Kos dan Add-on Custom untuk Sublimation Printing

Bagi yang baru mengenal sublimation printing, satu perkara yang perlu anda tahu adalah bahawa **customization** untuk sehelai baju sublimation sangatlah fleksibel dan serba boleh. Dari segi reka bentuk hingga penambahan elemen-elemen unik, pilihan untuk menyesuaikan baju anda sangat banyak. Dalam bab ini, kita akan mengupas tentang bagaimana customization berfungsi, kos yang terlibat, dan pilihan tambahan yang boleh dipertimbangkan untuk menjadikan baju anda lebih unik dan personal.

### 1. Customization untuk Baju Basic RNLP

Bagi mereka yang mempunyai bajet yang terhad, biasanya mereka akan memilih baju **Round Neck Lengan Pendek (RNLP)** seperti yang dibincangkan dalam bab sebelumnya. Walaupun baju RNLP ini dianggap basic, sebenarnya ia mempunyai kemampuan customization yang tinggi dan boleh disesuaikan mengikut keperluan dan kehendak pelanggan.

#### Apa yang Boleh Di-custom?

- **Logo:** Anda boleh memilih untuk meletakkan seberapa banyak logo yang diperlukan dalam reka bentuk baju. Logo ini boleh diletakkan di mana-mana bahagian baju, sama ada di bahagian depan, belakang, atau sisi.



- **Teks:** Selain logo, anda juga boleh menambah teks seperti nama kelab, nama kejohanan, nama pejabat, atau persatuan. Teks ini boleh disesuaikan mengikut pilihan anda dan diletakkan di mana-mana tempat di baju.
- **Nombor:** Untuk kegunaan sukan, penambahan nombor pada baju adalah sangat penting. Sebagai contoh, untuk sukan bola sepak, nombor biasanya diletakkan di bahagian belakang baju, manakala untuk sukan bola baling, nombor akan diletakkan di bahagian depan dan belakang dengan saiz yang berbeza.

## Kos dan Proses Customization

- Untuk makluman, sesetengah penjual mungkin akan mengenakan **caj tambahan** sekiranya anda ingin menambah nama atau nombor pada baju. Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa langkah tambahan yang perlu dilakukan untuk memastikan hasilnya sempurna. Sebagai contoh:
  - **Reka Bentuk & Sizing:** Designer perlu membuat fail reka bentuk berasingan untuk setiap nama dan nombor. Ini bermakna jika anda menempah 100 helai baju dengan nama dan nombor, designer sizing perlu mencipta **100 fail** reka bentuk menggunakan software seperti **Adobe Illustrator** untuk memastikan nama dan nombor setiap baju adalah tepat mengikut saiz.
  - **Proses Cutting:** Operator mesin laser perlu memastikan pemotongan baju dilakukan dengan tepat mengikut saiz, nama, dan nombor yang betul. Sebagai contoh, jika lengan untuk Rahim dan Shah tertukar, lengan untuk Rahim mungkin terlalu kecil. Proses ini memerlukan ketelitian agar tidak berlaku kesilapan.
  - **Proses Jahit:** Begitu juga, tukang jahit perlu memastikan bahawa setiap bahagian baju dijahit mengikut saiz, nama, dan nombor yang tepat untuk mengelakkan sebarang masalah.

## **2. Add-on Custom dan Pilihan Lanjutan**

Jika anda mempunyai **bajet yang lebih**, terdapat banyak lagi customization menarik yang boleh ditambahkan untuk memberi baju anda sentuhan yang lebih eksklusif dan unik.

Berikut adalah beberapa pilihan add-on yang boleh dipertimbangkan:

### **1. Sulam Logo**

Menambah logo sulaman pada baju memberikan penampilan yang lebih eksklusif dan profesional. Sulaman lebih tahan lama berbanding cetakan dan memberikan kesan premium pada baju. Contoh logo yang disulamkan keatas baju adalah seperti gambar di bawah:



### **2. Tambah Poket**

Jika anda mahu baju lebih praktikal, menambah poket pada baju adalah pilihan yang baik. Poket boleh diletakkan di bahagian dada atau sisi dan memberikan fungsi tambahan pada baju.

### **3. Backtape Sublimation**

Backtape adalah elemen tambahan yang boleh ditambah pada bahagian belakang baju, biasanya digunakan pada baju sukan. Menambahkan backtape memberikan rekaan yang lebih menarik dan lebih dinamik.

### **4. Tagging DTF (Direct to Film)**

Tagging DTF membolehkan cetakan label atau tag pada baju. Ini adalah pilihan yang bagus untuk menambah personalisasi pada bahagian dalam baju, memberikan kesan lebih eksklusif dan berkualiti.

### **5. Zip**

Jika anda ingin memberi baju anda sentuhan lebih bergaya dan fleksibel, menambah zip pada baju adalah pilihan yang popular, terutamanya pada hoodie atau jaket. Zip memberi lebih kebebasan kepada pemakai untuk menyesuaikan tahap keselesaan.

### **6. Rib di Bahagian Hujung Lengan**

Ribbing pada hujung lengan memberikan penampilan yang lebih kemas dan menambah elemen gaya pada baju. Ini sesuai terutamanya untuk baju dengan potongan lebih kasual seperti hoodie atau baju sukan.

### **3. Faktor yang Mempengaruhi Kos Add-on**

Setiap add-on yang dipilih akan menambah kos tempahan. Sebagai contoh:

- **Sulam logo** biasanya melibatkan lebih banyak kerja berbanding cetakan biasa, dan ia memerlukan mesin sulam khas.
- **Tambah poket** atau **zip** memerlukan perubahan dalam potongan dan jahitan, yang meningkatkan kos.
- **Backtape** dan **tagging DTF** memerlukan peralatan tambahan yang berbeza dan mungkin mempengaruhi harga unit.

Penting untuk berbincang dengan supplier mengenai pilihan add-on dan mendapatkan sebut harga yang jelas untuk setiap elemen tambahan yang anda mahu tambah pada baju.

### **4. Kesimpulan: Customization yang Sesuai dengan Bajet dan Keperluan**

Customization untuk baju sublimation menawarkan fleksibiliti yang luar biasa, dari pilihan logo dan teks sehingga elemen lanjutan seperti sulaman dan zip. Pilihan ini memberi anda kebebasan untuk mencipta baju yang benar-benar unik mengikut keperluan, acara, dan bajet anda.

Jika anda mempunyai bajet yang lebih, anda boleh membuat lebih banyak penyesuaian untuk meningkatkan kualiti dan gaya baju. Namun, jika anda bekerja dengan bajet yang lebih ketat, baju RNLP yang basic pun sudah memberikan banyak pilihan customization yang boleh memuaskan hati.

## Bab 6: Panduan Memilih Supplier Sublimation; Elak Kena Scam

Sekarang anda dah faham serba sedikit tentang selok-belok proses printing sublimation. Seterusnya, saya nak kongsikan tips-tips untuk memilih supplier sublimation yang *legit* supaya anda tidak kena *scam*.

Pada awalnya, kami di Pivot Apparel tak tahu pun yang di luar sana ada individu yang menggunakan platform sublimation printing ini sebagai sumber untuk menipu duit orang lain. Kami tak tahu tentang scam ini sebab kami di Pivot Apparel cuma berpegang pada matlamat kami — ingin memudahkan urusan tempahan sublimation yang rumit ini untuk pelanggan-pelanggan kami.

Kami mula tahu tentang kewujudan scam ini apabila ada pelanggan yang bertanya secara sangat terperinci tentang Pivot Apparel. Team sales kami sentiasa cuba yang terbaik untuk membantu pelanggan dan menjawab pertanyaan mereka sebaik mungkin. Kemudian, pelanggan itu sendiri yang memberitahu bahawa dia pernah kena tipu sebelum ini, jadi dia lebih berhati-hati.

Modus operandi scammer dalam bidang printing sublimation biasanya adalah dengan berpura-pura menjalankan bisnes printing, mengambil tempahan, dan kemudian menghilangkan diri selepas menerima bayaran. Macam-macam betul hal di akhir zaman ni. Printing pun boleh jadi lubuk menipu orang.

Sebab tu saya buat eBook ni — supaya anda lebih bersedia dan tak jadi mangsa bila nak tempah baju. Kami faham, kadang-kadang anda dipertanggungjawabkan oleh kawan, cikgu, majikan, atau ahli kelab untuk cari supplier printing baju. Tapi anda pula tiada pengalaman dan kenalan dalam bidang ni. Jadi, di bawah ini saya kongsikan beberapa panduan penting untuk anda nilai sama ada sesuatu supplier itu boleh dipercayai atau tidak.

### **1. Supplier mempunyai media sosial yang aktif**

Pertama sekali, cuba tengok media sosial supplier tersebut. Supplier yang boleh dipercayai biasanya aktif di media sosial — mereka akan kerap buat posting, kongsi gambar tempahan pelanggan, dan update info berkaitan servis mereka. Kalau dah setahun tak update langsung, anda patut berhati-hati. Selain tu, supplier yang betul-betul buat kerja akan jawab komen dan DM pelanggan. Pivot Apparel sendiri ada beberapa akaun media sosial seperti Facebook, Instagram, dan TikTok — tapi kami lebih aktif di Facebook. Anda boleh tengok sendiri di sini: <https://www.facebook.com/pivotjersey>

---

### **2. Boleh beri video produksi jika diminta**

Kadang-kadang pelanggan nak lebih yakin, jadi mereka minta video semasa proses printing atau jahit. Sebenarnya tak semua supplier boleh bagi dengan serta-merta, sebab bahagian produksi sangat sibuk. Tapi supplier yang bertanggungjawab tetap akan cuba beri kerjasama jika anda betul-betul perlukan video tersebut. Jangan minta sembarangan kalau tak perlu, tapi ketahuilah — supplier yang sah biasanya tak kisah nak tunjuk proses kerja mereka.

---

### **3. Ada testimoni pelanggan**

Testimoni adalah bukti paling kuat yang boleh bantu anda menilai kepercayaan terhadap sesuatu brand. Supplier yang bagus pasti ada testimoni daripada pelanggan-pelanggan terdahulu. Tak kisah kalau jumlah testimoni tak banyak — kami faham tak semua orang selesa berkongsi gambar mereka memakai baju. Tapi kalau langsung tiada testimoni, elok anda tanya lebih lanjut sebelum buat bayaran.

---

#### **4. Sanggup jumpa secara bersemuka jika perlu**

Kalau anda masih rasa ragu-ragu, tak salah pun kalau nak ajak supplier jumpa secara berdepan. Ini boleh jadi di premis mereka atau di tempat yang dipersetujui. Supplier yang betul-betul wujud dan sah pasti takkan mengelak untuk berjumpa. Tapi jika anda dah yakin, macam ramai pelanggan kami di Sabah dan Sarawak, tempahan boleh saja diteruskan secara online tanpa perlu bersua muka. Kami di Pivot Apparel sangat menghargai kepercayaan seperti ini.

---

#### **5. Mempunyai website yang kemas dan tersusun**

Di zaman sekarang, mempunyai website sendiri adalah satu tanda profesionalisme. Supplier yang serius dalam bisnes mereka biasanya ada website sendiri, dan website itu akan nampak kemas, tersusun dan mudah dilayari. Kalau website nampak ‘kosong’ atau tak terurus, itu mungkin tanda supplier tersebut tak serius, atau lebih teruk, scammer. Anda boleh tengok website kami sendiri di sini: <https://pivotapparel.site/>

---

#### **6. Ada team design sendiri**

Dalam dunia printing sublimation, mockup design sangat penting. Supplier yang baik akan ada designer sendiri yang boleh bantu terjemahkan idea anda ke dalam bentuk visual. Anda boleh minta ubah suai design jika tak puas hati dengan draf pertama — biasanya, supplier akan benarkan tiga kali edit secara percuma. Kalau supplier tak ada team design langsung, itu red flag besar.

---

#### **7. Proses jelas dan teratur**

Supplier yang sah mesti ada proses kerja yang jelas — dari ambil tempahan, buat design, confirm saiz, cetak, jahit, hingga ke penghantaran. Kalau anda rasa macam semuanya kabur, tak pasti siapa urus apa, bila baju siap, atau status tempahan — baiklah cari supplier lain. Pivot Apparel contohnya, ada SOP tersendiri yang kami ikut bagi setiap tempahan.

---

## **8. Komunikasi yang baik**

Supplier yang baik akan berkomunikasi dengan jelas dan beretika. Mereka akan jawab mesej dalam masa munasabah, tak biar pelanggan tertanya-tanya. Kalau anda asyik kena 'ghost', lambat balas, atau jawab sambil lewa, mungkin lebih baik cari pilihan lain.

---

Sekejap! Ada cerita menarik!

Dalam kami pesan pada anda tentang scam ni, sebenarnya Pivot Apparel pun pernah hampir kena scam dengan customer. Hahaha..

Ceritanya begini, masa tu kami masih baru lagi dalam bidang sublimation. Pada waktu itu kami bermula dengan face mask custom sublimation. Tahun 2020 lebih kurang selepas waktu PKP. Kami dihubungi seorang pembekal uniform pengakap yang mengatakan dia nak order face mask design pengakap, total order lebih kurang RM3000.

Kami minta deposit pada dia sebab amount yang agak besar. Tapi dia cakap dia tak nak bayar deposit sebab dia tak percaya kami. Tambahan lagi, dia cakap proceed je ke printing. Once dah siap confirm dia bayar full. Kami pun percaya pada customer tersebut dan teruskan ke proses printing.

Selepas order dia dah siap, kami minta full payment sebab nak pos. Guess what? CUSTOMER TU TAK NAK BAYAR. Berpeluh admin kami masa tu. Alasan dia adalah sebab dia jumpa supplier yang boleh supply dengan harga lebih murah dari kami.

Admin kami pun inform beliau yang memang wujud face mask lagi murah tapi kena teliti pada kualiti dan material face mask tersebut. Kami pun sebenarnya sedar akan kewujudan supplier yang lagi murah tu. Malahan, kami ada sampel face mask yang lagi murah tu. Sangat bahaya untuk customer pakai sebab nipis. Tali di telinga pun sangat nipis. Risau tak melindungi dan juga tak tahan lama.

Face mask kami pada ketika itu adalah 3 layer dan layer sebelah luar menggunakan material Lycra 280gsm. Di bahagian belakang sekali ada poket pula untuk letak filter PM2.5 tambahan. Tali di bahagian telinga juga kami pastikan tebal untuk ketahanan tambahan. Pastinya dengan kualiti seperti ini kami tak boleh nak bagi harga yang terlalu murah.

Admin kami mengambil langkah bijak dengan mengumpul semua screenshot perbualan dengan customer tadi di dalam satu Google Drive dan memberitahu customer tersebut untuk membuat pembayaran penuh kerana ada bukti yang menyatakan dia nak buat bayaran penuh setelah face mask siap.

Admin kami juga mengatakan report polis akan dibuat berserta semua bukti yang telah kami kumpul sekiranya beli tidak mahu membuat pembayaran.

Alhamdulillah beliau akur dengan janji beliau sendiri untuk membuat pembayaran penuh setelah face mask siap. Ini pengajaran buat Pivot Apparel supaya sentiasa berhati-hati di dalam berurusniaga.

Semoga dengan bab ini anda lebih bersedia dan tahu **apa yang perlu diperhatikan sebelum buat keputusan tempah baju**. Tak semua orang jahat, tapi tak semua orang jujur. Jadilah pengguna yang bijak dan berhati-hati.

Jika anda masih belum jumpa supplier yang sesuai, anda boleh mula dengan kami — **Pivot Apparel**. Kami akan bantu anda dari awal hingga akhir.

## Bab 7: Checklist Lengkap Sebelum Anda Buat Tempahan Baju Sublimation

Baiklah, sekarang anda dah faham proses sublimation dan macam mana nak elak dari kena *scam* dengan supplier sublimation.

### Apa nak buat pula kalau anda nak mula buat tempahan?

Jangan risau — saya dah sediakan **checklist mudah dan lengkap** yang boleh anda rujuk sebelum buat tempahan pertama anda.

Gunakan checklist ini macam anda tengah beli barang dekat Shopee — tick satu persatu sampai puas hati. Ini akan bantu anda rasa lebih yakin, lebih tersusun, dan paling penting — elak daripada menyesal kemudian hari.

---

#### 1. Tetapkan Tujuan Tempahan

Tanya diri anda — untuk apa baju ni?

Contohnya:

- Untuk team sukan universiti?
- Baju program sekolah?
- Family day?
- Uniform kedai?

Bila anda jelas tujuan tempahan, senang untuk anda tentukan kuantiti, design dan bajet.

#### 2. Tentukan Jumlah Baju

Buat senarai nama dulu. Pastikan tahu **saiz setiap orang** yang akan pakai. Kalau baju tu untuk lelaki & perempuan, atau ada yang bersaiz besar, maklumkan awal kepada supplier.

Lebih awal anda sediakan info ni, lebih lancar proses nanti.

### 3. Reka Design atau Kumpulkan Idea

Kalau anda dah ada design, boleh terus berikan kepada supplier.

Kalau belum ada, kumpulkan idea dahulu:

- Warna tema?
- Ada logo yang nak dimasukkan?
- Nak letak nama & nombor?

Supplier yang baik akan bantu anda reka design berdasarkan idea anda. Jangan risau kalau tak tahu guna software pun!

---

### 4. Semak Bajet & Harga

Tentukan bajet setiap helai. Kadang-kadang tempahan banyak boleh dapat harga borong yang lebih rendah.

Minta quotation awal supaya anda boleh bincang dengan team atau bos sebelum buat keputusan.

---

### 5. Semak Design Mockup & Saiz

Sebelum buat bayaran, pastikan anda **semak betul-betul mockup design dan senarai saiz**.

- Adakah design seperti yang anda minta?
- Ejaan nama/nombor betul?
- Semua saiz dah lengkap?

Kesilapan kecil kat sini boleh bagi kesan besar nanti. Jangan segan minta edit jika perlu.

Sedikit panduan untuk mengukur saiz baju mengikut size chart Pivot Apparel. Penting untuk mengukur saiz dan bukannya agak-agak kerana cutting baju berbeza untuk setiap kilang atau seller.

Di dalam size chart Pivot Apparel, kami menggunakan ukuran pit to pit atau pun dari ketiak ke ketiak. Sebagai contoh, anda ukur menggunakan tali pengukur, ukur lilit di bahagian dada adalah 40 inci, maka bagi 2 dan anda akan dapat ukuran pit iaitu 20 inci dan saiz yang anda patut pilih adalah saiz M.

Kalau susah nak ukur di badan macam mana? Ambil baju yang anda paling selesa pakai. Ukurlah dari ketiak ke ketiak di baju tersebut dan lihat berapa inci ukuran baju tersebut.

Awas, sekiranya di bahagian perut lagi besar berbanding dada, ambil ukur lilit perut dan bagi dengan 2 untuk dapatkan ukuran pit to pit.

## 6. Fahami Proses Tempahan

Tanya supplier: apa langkah seterusnya lepas design siap?

Biasanya proses tempahan akan ikut urutan ini:

1. Proses design
2. Confirm design mockup
3. Senarai saiz dan nama (jika ada)
4. Buat bayaran
5. Masuk production
6. Pos atau LalaMove atau Pick Up

Supplier yang bagus akan terangkan semua ini secara jelas.

## 7. Simpan Bukti & Resit

Lepas anda buat bayaran, **pastikan dapat resit atau invoice rasmi** dari supplier. Simpan sebagai rujukan sekiranya berlaku masalah atau kelewatan.

Kalau boleh, buat bayaran guna online transfer yang ada rekod.

## 8. Follow Up dengan Supplier

Biasanya tempahan ambil masa 7–14 hari bekerja.

Tapi tak salah untuk anda follow up setiap beberapa hari supaya tahu perkembangan:

- Design dah masuk production?
- Anggaran tarikh siap?
- Dah pos ke belum?

Supplier yang baik akan respon dengan sopan dan beri update yang jelas.

## 9. Terima Tempahan & Semak Satu Persatu

Bila baju sampai, **semak kuantiti, saiz dan ejaan nama**.

Jangan terus edarkan tanpa semak — takut ada silap yang boleh dielakkan awal-awal.

---

### **Penutup:**

Dengan checklist ni, anda dah pun bersedia untuk buat tempahan sublimation pertama dengan yakin dan tenang. Kalau anda nak buat tempahan tanpa pening kepala, Pivot Apparel sedia bantu dari A sampai Z.

Kami dah bantu ribuan pelanggan, dan kami tahu — pengalaman pertama tu sangat penting. Jadi kami akan pastikan semuanya lancar dan ikut yang anda harapkan.

## Bab 8: Panduan Menjaga Baju Sublimation

Akhir sekali, saya nak kongsikan cara untuk menjaga baju sublimation. Baju yang dicetak secara sublimation lazimnya mempunyai ketahanan yang sangat lama kerana dakwat yang meresap ke dalam fabrik.

Ramai pelanggan tak tahu yang baju sublimation perlukan cara penjagaan yang sedikit berbeza berbanding baju biasa. Kalau dijaga dengan betul, warna dan kualiti kain boleh tahan lebih lama — malah nampak macam baru walaupun dah dipakai berkali-kali.

Sebagai pihak yang bertanggungjawab buat tempahan, anda boleh bantu jaga reputasi dan kepuasan rakan-rakan satu team/kelas/kelab dengan berkongsi panduan penjagaan ini.

Berikut antara tip mudah yang anda boleh kongsikan:

1. Basuh guna air sejuk. Elakkan air panas sebab ia boleh menjaskan ketahanan warna pada kain sublimation.
2. Guna sabun biasa, jangan peluntur. Peluntur atau bahan pencuci kuat boleh buat warna cepat pudar.
3. Elakkan jemur di bawah matahari terus. Jemur di tempat redup atau berangin untukkekalkan warna baju.
4. Jangan guna dryer suhu panas. Suhu tinggi boleh ubah bentuk kain atau buat cetakan jadi kusam.
5. Jangan sental terlalu kuat. Kesan kotoran boleh dirawat dengan rendaman, tak perlu disental dengan berus kasar.
6. Yang terakhir ini adalah tips dari pengalaman kami sendiri, sekiranya baju anda terasa seperti makin kusam atau kainnya terasa sedikit menipis, cuba tambah 2 sudu besar washing soda atau laundry soda ketika membasuh baju anda.

Hasilnya, baju akan terasa seperti baru. Tak percaya? Cuba dulu nanti dan share feedback dengan kami.

# Penutup

Tahniah kerana berjaya sampai ke penghujung eBook ini!

Kami percaya, selepas membaca eBook ini, anda kini lebih faham tentang:

- Apa itu printing sublimation dan bagaimana prosesnya berlaku,
- Jenis-jenis kain dan bagaimana nak pilih yang sesuai,
- Fungsi mockup dan bagaimana ia bantu dalam proses tempahan,
- Perkara yang perlu diberi perhatian sebelum mula tempah baju,
- Cara mengelakkan diri daripada kena scam dengan supplier,
- Dan langkah-langkah penting untuk mula tempahan secara teratur.

Sebagai tambahan, kami juga sediakan panduan khas seperti:

- Panduan ukur baju untuk pastikan saiz yang tepat,
- Panduan penjagaan baju supaya tahan lebih lama dan kekal cantik.

Kami di **Pivot Apparel** percaya bahawa proses tempahan baju sepatutnya mudah, jelas dan menyeronokkan — bukan memeningkan kepala. Dengan ilmu yang anda dah dapat dalam eBook ini, kami harap anda akan rasa lebih yakin dan bersedia untuk buat keputusan yang bijak.

Dan kalau anda sedang mencari supplier sublimation yang dipercayai, berpengalaman dan sentiasa utamakan kualiti — pintu kami sentiasa terbuka. 😊

Terima kasih kerana luangkan masa membaca. Semoga eBook ini memberi manfaat kepada anda dan team anda.

Jumpa lagi di lembaran tempahan yang sebenar!

– Team Pivot Apparel